

Pemukiman perkukuh kesepaduan Jemaah Menteri

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD.NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Program Pemukiman Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan yang berlangsung semalam akan memantapkan kesepakatan dan kesepaduan dalam kalangan mereka.

Jabatan Perdana Menteri (JPM) menerusi kenyataan berkata, program bermula pukul 10 pagi itu dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama 27 anggota Jemaah Menteri dan 10 pegawai kanan kerajaan di Kompleks Seri Perdana di sini.

“Program itu juga selaras hasrat Perdana Menteri yang mahu menterjemahkan agenda islah dan reformasi dalam pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

“Ia juga diisi dengan sesi taklimat khas mencakupi aspek-aspek penting ke arah pemantapan penyampaian perkhidmatan dan pengukuhan tata kelola atau tadbir urus jentera kerajaan,” katanya.

Katanya, antara aspek yang dibincangkan dalam pemukiman itu termasuk struktur kerajaan dan hal ehwal pentadbiran awam, pengurusan kewangan dan pemerolehan kerajaan.



ANWAR Ibrahim bersama barisan Jemaah Menteri semasa sesi pemukiman untuk membincangkan hala tuju dan menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) setiap kementerian di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Jelasnya, aspek lain disentuh termasuk persidangan antarabangsa dan kepentingan negara, protokol kerajaan dan profesionalisme, pembangunan lestari, senario ekon'omi dan cabaran serta taklimat berkaitan komunikasi media.

Dalam pada itu, katanya, Ketua Setiausaha Negara,

Tan Sri Mohd. Zuki Ali, turut menyampaikan taklimat Pelaksanaan petunjuk prestasi utama (KPI) anggota Jemaah Menteri semasa sesi permukiman tersebut.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid menerusi hantaran di Facebook berkata,

program itu bertujuan membincangkan hala tuju Kerajaan Perpaduan.

Katanya, ia turut membincangkan keberadaan Jemaah Menteri dalam Kerajaan Perpaduan dan turut berkait rapat dengan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk setiap kementerian.